

D781

U B934 AAB  
UMNO - BAHAS

KUALA LUMPUR, 17 NOV (BERNAMA) -- KEWIBAWAAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DALAM Mencari JALAN KE ARAH PERPADUAN MELAYU DAN MELAKSANAKAN DASAR LUAR NEGARA, MENDAPAT SANJUNGAN PADA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DI SINI HARI INI.

KETUA BAHAGIAN SENAI ENCIK ADAM ABDUL HAMID, KETIKA MEMBENTANGKAN USUL MENYOKONG UCAPAN DASAR PRESIDEN, BERKATA LANGKAH DATUK SERI DR MAHATHIR BERTEMU DENGAN PENASIHAT PARTI SEMANGAT 46 TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, MENCERMINKAN KUALITI KEPIMPINAN YANG +TIADA TOLOK BANDINGNYA.+

ENCIK ADAM YANG JUGA ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI KAWASAN BANDAR TENGGARA, BERHARAP PUCUK PIMPINAN MENERUSKAN STAIL KEPIMPINAN CEMERLANG ITU AGAR SEMUA ORANG MELAYU AKAN KEMBALI BERTAUT DI BAWAH SATU PARTI.

BELIAU SETERUSNYA MENYERU PEMIMPIN SEMANGAT 46 KHUSUSNYA TENGGU RAZALEIGH HAMZAH, DATUK RAIS YATIM, DATUK HARUN IDRIS DAN DATUK RADZI SHEIKH AHAMD SUPAYA +BALIK KE PANGKAL JALAN+ DEMI PERPADUAN MELAYU.

BAGAIMANAPUN, BELIAU MENGINGATKAN BAHAWA MEREKA PERLU BERPEGANG KEPADA PRINSIP UMNO SEKIRANYA MENYERTAI SEMULA PARTI.

BELIAU JUGA BERKATA, KEMAMPUAN MALAYSIA MEMAINKAN PERANAN UTAMA PADA PERINGKAT ANTARABANGSA TERMASUK MENGANJURKAN MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL (CHOGM) BARU-BARU INI TELAH MELETAKKAN MALAYSIA SETARAF DENGAN NEGARA-NEGARA TERKEMUKA DI DUNIA. -- LAGI.  
1631MST 17 11 89

D782

U B935 AAB  
UMNO - BAHAS 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI PEMBANGUNAN, ENCIK ADAM MEMINTA KERAJAAN MEMBERI PERUNTUKAN KHAS PADA RANCANGAN MALAYSIA KEENAM BAGI MENYELESAIKAN SEGALA MASALAH INFRASTRUKTUR DI KAMPUNG-KAMPUNG.

WAKIL JOHOR ITU KEMUDIAN MENARIK PERHATIAN PARA HADIRIN TERUTAMA DATUK SERI DR MAHATHIR APABILA BELIAU MEMBACAKAN PANTUN MENGENAI PANDUAN MEMILIH CALON UNTUK PILIHAN UMUM AKAN DATANG. PANTUN ITU ANTARA LAIN BERBUNYI:

+KALAU MAKAN JANGAN TERBANYAK,  
JADI MUDARAT TIDAK MENYENANGKAN=  
JANGANLAH PILIH CALON PENYANGAK,  
SUSAH KAMI HENDAK MENANGKAN.

BILA KEBOCORAN SUDAH DITELITI=  
ANWAR IBRAHIM SUSAH HATI=  
BIARLAH CALON ADA KUALITI,  
MENANG MUDAH, BERTANGGUNGJAWAB PASTI.

DUA RATUS PERMIT TEKSI TOPIK UTAMA,  
JADI PERBINCANGAN DI MANA-MANA=  
CALON PAYUNG TERJUN KAMI TERIMA,  
TAPI INGAT, BIAR BERPADA.+

-- LAGI.

1633MST 17 11 89

D800

U B940 AAB  
UMNO - BAHAS 3 KUALA LUMPUR

KETIKA MENYOKONG USUL ITU, HAJI JAILANI JAAFAR (BAHAGIAN PASIR PUTIH) BERKATA, KEHADIRAN TUNKU DAN TUN HUSSEIN ONN PADA PERASMIAN PERHIMPUNAN ITU MEMBUKTIKAN HAKIKAT BAHAWA UMNO YANG ADA ADALAH UMNO ASAL.

BELIAU BAGAIMANAPUN MENGINGATKAN PUCUK PIMPINAN UMNO SUPAYA BERHATI-HATI DALAM MENERIMA SEMULA BEKAS PEMIMPIN KE DALAM PARTI KERANA BIMBANG +PISANG BERBUAH DUA KALI.+

WAKIL DARI KELANTAN ITU JUGA BERHARAP MAJLIS TERTINGGI TIDAK AKUR DENGAN CADANGAN SESETENGAH PIHAK SUPAYA UMNO MEMINDA FASAL 7.3 PERLEMBAGAANNYA YANG MEMPERUNTUKKAN 10 UNDI KEPADA SETIAP CALON PRESIDEN PADA PENCALONAN PERINGKAT BAHAGIAN.

MENURUTNYA, TIDAK ADA SEBAB PINDAAN ITU PERLU KERANA PERUNTUKAN ITU MEMBERI PELUANG KEPADA ANGGOTA PERINGKAT BAWAHAN MEMILIH PRESIDEN.

HAJI JAILANI JUGA MEMINTA KERAJAAN SUPAYA MENGAWAL KEMASUKAN PEMODAL ASING AGAR TIDAK SEMUA INDUSTRI DAN SYARIKAT DI DALAM NEGARA DIMILIKI OLEH ORANG ASING. -- LAGI.  
1706MST 17 11 89

D820

U B951 AAB  
UMNO - BAHAS 4 KUALA LUMPUR

SEMASA MEMBAHAS USUL ITU, WAKIL DARI PERAK, ENCIK HAMIDI ABU BAKAR BERKATA KERAJAAN TIDAK PERLU MENGENAKAN KUOTA KEPADA BUMIPUTERA TETAPI HANYA KEPADA BUKAN BUMIPUTERA KERANA +SUATU YANG MEMANG HAK KITA TIDAK PERLU DIKENAKAN KUOTA.+

BELIAU MEMINTA KEMENTERIAN DALAM NEGERI MENGENAKAN KAWALAN KETAT TERHADAP AKHBAR YANG SENGAJA MENIMBULKAN ISU YANG BOLEH MENGHILANGKAN KEPERCAYAAN RAKYAT TERHADAP KERAJAAN.

ENCIK HAMIDI MENGINGATKAN ANGGOTA PARTI YANG LEBIH MUDA SUPAYA MEMBERI LALUAN KEPADA YANG LEBIH DEWASA BAGI MEMEGANG SESUATU JAWATAN KERANA PERTANDINGAN AKAN MERUGIKAN JIKA BERLAKU PERPECAHAN.

BELIAU JUGA MEMINTA KERAJAAN SUPAYA MENERUSKAN MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU (DEB) SELEPAS 1990 KERANA MASIH RAMAI YANG MEMERLUKAN BANTUAN KERAJAAN TERUTAMA PENDUDUK KAWASAN PEDALAMAN. -- LAGI.  
1746MST 17 11 89

D848

U B972 AAB  
UMNO - BAHAS 5 KUALA LUMPUR

PEMBERIAN 200 PERMIT TEKSI KEPADA SYARIKAT SAUJANA CAR HIRE SDN BHD, TURUT MENDAPAT PERHATIAN PARA PERWAKILAN PERHIMPUNAN, APABILA DIBANGKITKAN OLEH WAKIL TERENGGANU, ENCIK ABDUL RAHMAN BAKAR.

SEBAIK SAHAJA NAMA SYARIKAT ITU DISEBUT, DEWAN MERDEKA TEMPAT PERHIMPUNAN ITU BERLANGSUNG, GAMAT DENGAN SUARA PERWAKILAN YANG MEMINTA HAJI ABDUL RAHMAN MENERUSKAN PENDEDAHANNYA MENGENAI PERKARA ITU.

BELIAU MEMPERSOALKAN, ATAS DASAR APA PEMBERIAN ITU DIBUAT DAN KEISTIMEWAAN SYARIKAT ITU SEHINGGAKAN DENGAN MODAL BERBAYAR HANYA \$2, IA MENDAPAT PERMIT SEBANYAK ITU SEKALIGUS.

SEDANGKAN, KATANYA, MAKLUMAT YANG DIDAPATI DARIPADA PENDAFTAR SYARIKAT MENYATAKAN MODAL BERBAYAR SYARIKAT ITU MENINGKAT KEPADA \$500,000 HANYA PADA TARIKH PERMIT ITU DIKELUARKAN.

BELIAU MEMBUAT PERKIRAAN UNTUK MENUNJUKKAN BAGAIMANA SYARIKAT ITU BOLEH MENGAUT KEUNTUNGAN SEGERA DARIPADA PEMBAYARAN \$3,000 SETIAP PEMANDU TEKSI ITU DAN SEWA KERETA \$50 SEHARI YANG DIWAJIBKAN. -- LAGI.

1851MST 17 11 89

D849

U B973 AAB  
UMNO - BAHAS 6 KUALA LUMPUR

HAJI ABDUL RAHMAN JUGA MEMPERSOALKAN STATUS SYARIKAT BUMIPUTERA 100 PERATUS YANG DIBERIKAN KEPADA SYARIKAT ITU SEDANGKAN ANGGOTA LEMBAGA PENGARAHNYA TERDIRI DARIPADA TIGA BUKAN BUMIPUTERA DAN DUA BUMIPUTERA.

UCAPAN BELIAU ITU DISAMBUT DENGAN KATA-KATA SEPERTI +BIAR MENTERI JAWAB+, +TARIK BALIK PERMIT+ DAN +NAMAKAN MEREKA (PENGARAH SYARIKAT ITU)+.

MENURUT BELIAU, PEMBERIAN PERMIT SEPATUTNYA DIUTAMAKAN KEPADA MEREKA YANG TELAH LAMA MENGEMUKAKAN PERMOHONAN SEPERTI KOPERASI FELDA YANG MENURUTNYA TELAH MEMOHON SELAMA 10 TAHUN DAN KOPERASI PEMANDU TEKSI TERENGGANU YANG MENUNGGU KELULUSAN SEJAK LAMA DAHULU.

HAJI ABDUL RAHMAN MENINGGATKAN PUCUK PIMPINAN SUPAYA MENGUTAMAKAN HAK MAJORITI DALAM PEMBERIAN PERMIT UNTUK PELBAGAI PROJEK SEPERTI PERMIT TEKSI DAN PEMBALAKAN DAN TIDAK KEPADA +ORANG TERTENTU+ SAHAJA. -- LAGI.

1852MST 17 11 89

D863

U B980 AAB  
UMNO - BAHAS 7 KUALA LUMPUR

PERHIMPUNAN ITU JUGA GAMAT SEPANJANG MASA WAKIL MELAKA, ENCIK AHMAD HAJI ABDULLAH, BERUCAP KERANA BELIAU SERING MENYELITKAN BEBERAPA CERITA LUCU.

ENCIK AHMAD BERKATA BELIAU TERPAKSA MENYELITKAN CERITA LUCU KERANA +HARI SUDAH PETANG DAN RAMAI YANG MAHU PULANG+.

DALAM PERBAHASANNYA, BELIAU MEMINTA KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI SUPAYA BERHATI-HATI DALAM MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK PELANCONGAN AGAR TIDAK TERLALU +KEBARATAN+.

+DALAM MELAKSANAKAN PROJEK PELANCONGAN ITU, JANGANLAH DILUPAKAN NILAI-NILAI ISLAM YANG SEDANG KITA PRAKTIKKAN+, KATANYA.

MENGENAI PILIHAN RAYA, BELIAU MEMINTA PUCUK PIMPINAN PARTI SUPAYA MELETAKKAN CALON YANG LAYAK DAN SESUAI DENGAN KAWASAN BERKENAAN DAN BUKANNYA +CALON TERJUN+ AGAR SEMUA HASRAT PENDUDUK KAWASAN BERKENAAN DAPAT DILAKSANAKAN.

+KITA TIDAK LAGI MAHU +CALON TERJUN+ YANG SEBELUM PILIHAN RAYA PANDAI BERKATA-KATA TETAPI SELEPAS MENANG TIDAK DAPAT BERBUAT APA-APA+, KATANYA SAMBIL DISAMBUT DENGAN SORAKAN +SETUJU+ DARIPADA PARA WAKIL YANG LAIN.

PERBAHASAN UCAPAN DASAR PRESIDEN ITU AKAN DISAMBUNG ESOK. --  
BERNAMA

1919MST 17 11 89